

07 AUG 2000

Mahathir-Perhutanan/I

MAHATHIR GESA NEGARA MAJU TUNAIKAN JANJI MENGENAI PERHUTANAN

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara-negara maju supaya mengesah dan menunaikan komitmen mereka untuk menyediakan bantuan kewangan dan teknologi kepada negara membangun agar mencapai pengurusan hutan yang mampan.

Di samping itu, pengurusan hutan berkekalan harus digalakkan menerusi dasar-dasar perdagangan dan alam sekitar yang saling menguntungkan, bukan menerusi pemulauan dan pengharaman produk perhutanan, terutama produk dari hutan tropika, katanya.

Beliau berkata tidak wajar jika ada sebarang kaitan kepada standard alam sekitar yang ketat dengan akses pasaran.

"Sekatan perdagangan dan alam sekitar tidak akan mengurangkan pembasmian hutan. Sebaliknya, akses pasaran yang lebih tinggi akan membantu menggalakkan pengurusan hutan yang berkekalan dengan menyediakan hasil yang diperlukan bagi tujuan ini," katanya pada perasmian Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa bagi Pertubuhan Perhutanan (IUFRO) ke-21, di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dr Mahathir berkata sebelum Sidang Kemuncak Bumi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Rio de Janeiro pada 1992, Malaysia mempercayai bahawa negara-negara maju akan mengumpulkan sumber-sumber mereka yang banyak itu untuk membantu melaksanakan program penghutan dan penghutan semula di negara-negara miskin.

Bagaimanapun, beliau berkata setelah lapan tahun berlalu "keadaan adalah seperti biasa" dan gembur-gembur yang dicetuskan telah hampir hilang dengan tidak ada usaha bersepadu untuk menghidupkan bumi, walaupun dalam bentuk awal.

"Setiap negara dibiarkan bersendirian untuk melaksanakan program perhutanan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan PBB (UNCED) menganggarkan purata jumlah kos tahunan yang diperlukan untuk melaksanakan program perhutanan adalah sebanyak AS\$32 bilion, dan sebahagian besarnya dijanjikan oleh negara-negara maju.

Beliau juga berkata Malaysia beranggapan bahawa satu instrumen yang sah di sisi bagi semua jenis hutan diperlukan untuk menangani pelbagai isu berhubung perhutanan dan kayu-kayuan dalam satu pendekatan yang menyeluruh.

Pada masa ini, tiadanya persetujuan mengenai keperluan bagi instrumen sedemikian adalah disebabkan oleh kebuntuan berhubung isu-isu kritikal seperti kewangan, pemindahan teknologi dan perdagangan, katanya.

"Kami percaya bahawa instrumen yang sah seperti itu akan memudahkan pencapaian pengurusan hutan berkekalan dengan menyediakan satu kerangka kerja telus yang sah dan penjagaan sama rata bagi semua hutan, berbanding dengan tindakan sekarang yang dilakukan secara adhoc yang boleh menjejaskan amalan perhutanan yang terbaik," katanya.

Menyentuh mengenai status hutan di Malaysia, Dr Mahathir berkata hutan semula jadi masih meliputi kira-kira 58 peratus kawasan tanah negara ini dan angka itu mencapai 72 peratus jika diambil kira ladang getah dan kelapa sawit.

"Kami telah berikrar dan akan terus berpegang kepada ikrar ini bahawa liputan hutan akan kekal pada tahap minimum 50 peratus daripada kawasan tanah. Ini adalah sumbangan kami kepada penduduk dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah bertindak untuk mengukuhkan amalan perhutannya selaras dengan konsep pengurusan hutan berkekalan, termasuk memperluaskan saiz hutan kekal dari 12.7 juta hektar kepada 14.1 juta hektar.

Walaupun hukuman yang lebih berat telah diperkenalkan bagi kesalahan

yang berkaitan dengan hutan, beliau berkata negara akan meningkatkan usaha di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dalam semua bidang perhutanan yang berkaitan.

Dr Mahathir berkata ini termasuk usaha untuk membangunkan industri hiliran yang berasaskan hutan.

Terdahulu, dalam ucapannya, presiden IUFRO Prof Jeffery Burley berkata setiap peringkat masyarakat harus sedar mengenai perlunya menguruskan sumber-sumber dunia dalam cara yang bijaksana, saksama, beretika dan berkekalan.

Beliau berkata hutan dan pokok memainkan peranan besar dalam pembangunan berkekalan dan IUFRO akan terus berusaha menggalakkan penyelidikan untuk menangani isu-isu relevan dan membentangkan penemuan mereka agar pembuat dasar dan pemegang saham boleh memahami dan mengambil manfaat daripadanya.

IUFRO adalah sebuah badan bukan kerajaan yang tidak mencari keuntungan. Ia ditubuhkan pada 1892 untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa di dalam penyelidikan hutan dan yang berkaitan dengan sains.

Ia mempunyai kira-kira 700 anggota institusi di 110 buah negara dan ini merupakan kali pertama ia menganjurkan kongresnya di sebuah negara membangun.

Persidangan enam hari itu bertemakan "Hutan dan Masyarakat: Peranan Penyelidikan".

-- BERNAMA

MAM ZS AKD